

**Pemuda Umno Minta Segerakan Tubuh Jawatankuasa Disiplin Khas Tangani Sabotaj Calon Bernama
11 Disember, 2011**

PARIT, 11 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta agar penubuhan jawatankuasa disiplin khas bagi menangani isu sabotaj calon yang mungkin timbul pada pilihan raya umum ke-13 disegerakan.

Exco Pemuda Mohd Hisamuddin Yahaya berkata ini bagi mengelakkan tekanan kepada pucuk pimpinan parti ketika membuat pemilihan calon.

"Jawatankuasa khas itu tidak hanya melakukan pemantauan semasa kempen pilihan raya tapi perlu berfungsi sebelum penamaan calon untuk memastikan tiada pihak yang cuba memprotes calon yang dipilih pucuk pimpinan parti.

"Kita tidak mahu calon yang dicadangkan sendiri oleh presiden ditolak di peringkat bahagian jika nama yang dicalonkan itu tidak disenangi oleh segelintir pimpinan bahagian, sekali gus akan disabotaj," katanya kepada pemberita di sini.

Hisammuddin yang juga Pengerusi Biro Keahlian dan Daftar Pemilih sayap itu berkata pihaknya kini giat mendaftarkan anggota Pemuda Umno yang layak sebagai pengundi bagi memastikan mereka dapat menunaikan tanggungjawab pada pilihan raya umum akan datang.

"Sehingga kini, seramai 160,000 anggota Pemuda telah mendaftar sebagai pemilih dan hanya 49,000 sahaja lagi anggota Pemuda yang belum mendaftar dan usaha giat sedang dijalankan bagi memastikan mereka juga dapat didaftarkan sebagai pemilih.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633418>